

# PM: Sistem pendidikan diubah elak kegagalan

11 OCT 2009

**P**ETALING JAYA 10 Okt. — Kerajaan terpaksa mengubah sistem pendidikan negara beberapa kali bagi mengelakkan kegagalan yang lebih rumit, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Beliau berkata, kerajaan mahu konsisten dalam melaksanakan sistem pendidikan terutamanya dalam isu bahasa tetapi tidak boleh membiarkan keadaan berterusan sekiranya sistem yang digunakan pakai itu gagal mencapai matlamatnya.

“Jika kita lihat satu-satu sistem itu gagal mencapai matlamatnya, kita buat perubahan dan malangnya ia berlaku di Malaysia kerana terlalu banyak input yang diberikan tidak berasaskan akademik sehingga mengalihkan fokus kita.

“Saya juga tidak sukakan perubahan tetapi kita tidak mempunyai pilihan lain dalam hal ini,” katanya.

Beliau menyatakan demikian pada sesi dialog sempena persidangan sehari Mencontohi Korea Selatan - Mengekalkan Pertumbuhan Dalam Persekitaran Yang Dinamik di Pusat Konvensyen Sunway di sini hari ini.

Perdana Menteri yang merujuk kepada dasar baru mengajar Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris berkata, ia terpaksa dilakukan kerana kerajaan menyedari bahasa Inggeris digunakan secara meluas sebagai bahasa ilmu dan menjadi asas kepada lebih 70 peratus maklumat ilmiah yang diperoleh menerusi Internet.

“Masa kita memansuhkan sistem pendidikan berbahasa Inggeris dulu, kita buat bukan kerana pertimbangan akademik tetapi pertimbangan nasionalistik.

## Sekolah

“Kita harap sekolah kebangsaan dapat menarik semua kaum tetapi sekarang ini ia gagal berbuat demikian,” katanya.

Menurut Dr. Mahathir, ada pihak yang menjadikan sekolah kebangsaan sebagai sistem untuk memajukan satu kaum sahaja iaitu kaum Melayu sehingga kaum Cina dan India tidak berminat untuk menghantar anak-anak mereka ke sekolah tersebut.

“Malah ada juga orang Melayu yang

tidak percaya kepada sistem ini dan menghantar anak mereka ke sekolah agama pula.

“Sebab itulah kita mengadakan Sekolah Wawasan dan sebagainya. Itu adalah pembetulan bagi kesilapan yang dilakukan.

“Sekiranya kita membiarkan sahaja, ia akan gagal lagi,” kata Dr. Mahathir.

Perdana Menteri berkata, rakyat harus menerima hakikat bahawa negara terpaksa kembali memberi fokus ke atas bahasa Inggeris bagi mencapai kejayaan pada masa hadapan.

“Lagipun kita bukannya kembali kepada bahasa Inggeris sepenuhnya, cuma dalam dua mata pelajaran ini sahaja,” katanya.

Beliau berkata, sebahagian besar daripada maklumat ilmiah terkini diterbitkan dalam bahasa Inggeris yang penguasaan bahasa itu akan mempercepatkan proses pembelajaran dan tuntutan ilmu.

“Memang kita boleh menterjemahkan (buku) tetapi ia agak mustahil untuk dilakukan kerana penterjemahan perlu dibuat oleh orang yang pakar,” ujar Perdana Menteri.